

21 MAR, 2022

50 tahun mewarnai arus industri media kita



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

JUBLI EMAS MASSCOMM UiTM

50 tahun mewarnai arus industri media kita

Bersama
Fadzillah Aishah Ismail

Graduan FKPM berada di mana-mana sahaja dalam atmosfera industri media negara

edar tidak sedar, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) menyambut jubli emasnya pada tahun ini.

Bagi penulis sendiri selaku alumni FKPM atau lebih dikenali sebagai Masscomm, bermula dari Matrikulasi, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana sudah pasti banyak menghimpun koleksi nostalgia manis dan pahit tersendiri.

Penulis pernah merasa pengalaman menghadiri kuliah di Kolej Meranti, Seksyen 2 Shah Alam, Level 13, Menara Sultan Abdul Aziz Shah dan merupakan kumpulan (batch) pertama 'merasmikan' bangunan terkini FKPM.

Lantaran, sudah pasti fakulti berusia 50 tahun ini dekat di hati penulis.

Alhamdulillah, tanggal 1 Mac 2021, penulis kembali semula ke fakulti keramat ini, bukan sebagai penuntut tetapi melangkahkan kaki sebagai pendidik bagi menyahut seruan UiTM supaya alumni UiTM kembali menyumbang kepada universiti ini dan sudah pasti FKPM khususnya.

Bukan tidak sayang dengan kerjaya terdahulu, namun pada hemat penulis sudah sampai masanya segala pengalaman yang diperoleh dalam industri dikongsi bersama penuntut FKPM.

Sedikit sejarah mengenai FKPM yang dahulunya dikenali sebagai Kajian Sebaran Am yang menjadi perintis kepada pendidikan komunikasi dan media sejak 1972.

FKPM menawarkan lima program peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu Kewartawanan (*Journalism*), Penyiaran (*Broadcasting*), Penerbitan (*Publishing*), Pengiklanan (*Advertising*) dan Perhubungan Awam (PR).

Seiring dengan peredaran masa, FKPM menambah empat program baharu iaitu Komunikasi Instruksional dan Latihan (*Instructional Communication and Training*), Komunikasi Interpersonal (*Interpersonal Communication*), Pengurusan Komunikasi dan Polisi (*Communication Management and Policy*) and Komunikasi Media



FAKULTI Komunikasi dan Pengajian Media UiTM menyambut jubli emas tahun ini.

Baharu (*New Media Communication*).

FKPM turut menawarkan dua program Diploma iaitu Diploma Komunikasi dan Media dan Diploma Komunikasi Media Baharu selain program peringkat Sarjana iaitu Sarjana Komunikasi Massa, Sarjana Media dan Perang Saraf dan Sarjana Kewartawanan serta program peringkat Doktor Falsafah iaitu Ijazah Doktor Falsafah Komunikasi Massa dan Ijazah Doktor Falsafah Media dan Perang Saraf.

Graduan FKPM pula berada di mana-mana sahaja dalam atmosfera industri media negara. Penulis berani katakan, sebutlah mana-mana organisasi pasti akan ada alumni FKPM di sana, malah organisasi media

juga majoritinya dipelopori oleh graduan FKPM.

Bukan mendabik dada riak, hakikatnya itulah *resume* kejayaan fakulti keramat ini menghasilkan lebih 20,000 graduan sehingga kini, yang memenuhi permintaan pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Terkini, seiring dengan perkembangan teknologi, FKPM mencipta satu lagi sejarah dalam penggabungan ilmu bersama fakulti lain yang bertujuan memberi nilai tambah kepada fungsi FKPM sebagai *content curator* sekali gus mampu menghasilkan graduan yang *multi-tasking*, kekal relevan dan mempunyai kebolehpasaran tinggi serta mesra industri.

Secara tidak langsung, penggabungan ilmu ini menyahut

seruan Naib Canselor UiTM Profesor Datuk TS Dr Roziah Mohd Janor yang ingin melihat masa depan UiTM memfokuskan kepada *blockchain technology* dan *big data analytics*.

Buat semua alumni FKPM atau Masscomm, usah bimbang dan khuatir. Datanglah apa sahaja perubahan, DNA Masscomm tetap tersemat kukuh di hati setiap warga, pelajar dan alumuninya.

Selamat menyambut ulangtahun ke-50 tahun. Dirgahayu Masscomm selamanya tetap di hatiku!

Penulis Penyarah Kewartawanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam



21 MAR, 2022

50 tahun mewarnai arus industri media kita

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

JUBLI EMAS MASSCOMM UiTM

Graduan FKPM berada di manamana sahaja dalam at m o s fe ra industr i media negara S

edar tidak sedar, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) menyambut jubli emasnya pada tahun ini. Bagi penulis sendiri selaku alumni FKPM atau lebih dikenali sebagai Masscomm, bermula dari Matrikulasi, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana sudah pasti banyak menghimpun koleksi nostalgia manis dan pahit t e r s e n d i r i .